

Kod Tatalaku

Kumpulan SAF-HOLLAND sedang berkembang, telah lama bertapak dan mempunyai operasi perniagaan diseluruh dunia. Kejayaan perusahaan kami dan tanggungjawab sosial serta kemasyarakatan berkait rapat. Kod Tatalaku ini menentukan tanggungjawab dan etika kami dalam menjalankan aktiviti perniagaan kami. Kami mengenalpasti tanggungjawab sosial dan peranan kami sebagai rakan perniagaan dan majikan yang boleh dipercayai dan amanah. Ini adalah komitmen kami pada setiap masa diseluruh dunia. Matlamat Kod Tatalaku ini adalah untuk memastikan keseragaman dan tanggungjawab perilaku dalam aktiviti perniagaan global kami, dalam konteks persekitaran perniagaan kami, perilaku kita terhadap rakan sekerja, pekerja-pekerja dan juga terhadap masyarakat.

1. Objektif dan Skop

Kod Tatalaku ini menentukan prinsip asas dan garis panduan penting. Ianya menawarkan panduan Orientasi Praktikal. Ini berdasarkan nilai korporat kami:

Kami mementingkan keselamatan

Kami komited terhadap kesihatan dan keselamatan semua pihak berkepentingan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang selamat untuk pekerja kami, dengan menyediakan produk terbaik dalam kelas untuk pelanggan kami dan dengan bekerja mengikut piawaian alam sekitar yang paling tinggi di dekat rumah dan dalam komuniti yang lebih luas.

Kami hormai

Kami menghargai dan menghormati kepelbagaian pekerja kami dan menghargai pelbagai idea dan pendapat mereka; kami menggalakkan komunikasi terbuka melalui budaya kepercayaan, pertimbangan dan keterkaitan. Kami menghormati antara satu sama lain; kami tahu perbezaan kami menjadikan kami kumpulan perniagaan yang lebih kukuh sambil kami memupuk satu komuniti SAF-HOLLAND global.

Kami boleh dipercayai

Kami menumpukan usaha kami untuk memenuhi janji kami kepada semua pihak berkepentingan. Kami berusaha untuk membina hubungan kerja yang tahan lama, berkesan dan saling menguntungkan. Dengan bekerja dengan kejujuran dan integriti dalam semua urusan kami, kami adalah rakan kongsi perniagaan yang dipercayai dan boleh dipercayai.

Kami inovatif

Melalui keberanian dan penerokaan, kami berusaha untuk meningkatkan kecekapan perniagaan kami dengan memfokuskan kos, ingin tahu dan keusahawanan. Kami menerima ideologi dan metodologi yang baru muncul, yang membolehkan kami memikirkan semula, mencipta semula dan terus berkembang sebagai sebuah organisasi yang dinamik dan berkembang.

Kami bertanggungjawab

Kami mematuhi peraturan dan mengharapkan semua pihak berkepentingan kami melakukan perkara yang sama. Semasa kami berusaha untuk menambah baik operasi perniagaan kami di seluruh dunia, kami amat menyedari kewajipan kami. Kami memastikan pematuhan mutlak dan bekerja mengikut piawaian etika tertinggi dalam semua tindakan kami; kami komited sepenuhnya untuk melakukan perkara yang betul setiap masa.

Di samping itu, Kod Tatalaku Kumpulan SAF-HOLLAND adalah berpandukan kepada konvesyen dan garis panduan antarabangsa, seperti Undang-Undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa dan perjanjian Kesatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN), selaras dengan undang-undang dan amalan negara.

Elemen-elemen utama seperti menghormati hak asasi manusia, mempunyai peluang yang sama, ketelusan dan pendirian yang tegas terhadap diskriminasi, sogokan dan rasuah ternyata dalam Kod Tatalaku ini.

Garis panduan ini digunakan diserata dunia, untuk semua pekerja dalam lingkungan Kumpulan SAF-HOLLAND.

Garis panduan perjanjian serantau digunakan mengikut topik dan kawasan.

Selain itu, semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan mesti dipatuhi.

Tindakan semua pemegang saham menuruti Kod Tatalaku menyumbang dalam menghindari keruntuhan reputasi, kos yang tidak diperlukan, dan beban yang boleh menjejaskan kesinambungan usaha syarikat secara berterusan.

Disamping itu, pematuhan terhadap Kod Tatalaku ini, menyokong aspirasi penghargaan kami, pengiktirafan dan kepercayaan di kalangan pelanggan, pelabur dan pembekal kami.

Kod Tatalaku ini merupakan tonggak utama dalam Sistem Kepatuhan Pengurusan kami.

2. Prinsip umum tatalaku

- a. Kami komited untuk menghormati dan melindungi hak-hak peribadi, privasi dan maruah antara satu sama lain.

- b. Kami menghormati hak asasi manusia yang diiktirafkan di peringkat dunia termasuk Undang-Undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa, dan prinsip-prinsip hak pekerja yang dinyatakan dalam Deklarasi Prinsip Asas dan Hak untuk Bekerja dari Kesatuan Buruh Antarabangsa (ILO). Kami menyokong permerhatian mereka.
- c. Kami menentang sebarang paksaan menggunakan kanak-kanak sebagai buruh, serta semua bentuk penghambaan moden dan pemerdagangan manusia. Tiada siapa yang boleh bekerja atau dipaksa berkerja bertentangan dengan kehendaknya. Kami komited kepada sepuluh prinsip utama dari perjanjian Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN).
- d. Kami membenarkan dan melindungi kebebasan berpersatuan, perhimpunan, dan hak kebebasan bersuara dari pekerja, serta hak kebebasan bercakap dari pekerja.
- e. Kami melindungi data peribadi pekerja, pelanggan dan pembekal kami.
- f. Kami bertanggungjawab melindungi sumber semula jadi, perlindungan alam sekitar dan cuaca melalui tingkahlaku individu.
- g. Pengurus kami menjalani fungsi peranan mereka. Mereka komited kepada pekerja-pekerja, memberi arahan dan sokongan dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

3. Layanan kepada pekerja

Kami komited memberi peluang yang sama dan memberi layanan yang sama kepada pekerja. Kami menawarkan semua peluang kerjaya yang sama dan tidak bertoleransi dalam diskriminasi atau apa-apa juga gangguan.

Pemilihan, pengambilan dan kenaikan pangkat pekerja berpandukan kelayakan dan kemahiran.

Kami menghargai pekerja kami dan mengambil mereka ke dalam syarikat kami mengikut prestasi individu, mewujudkan persekitaran dimana setiap orang memberikan yang terbaik. Kami menghargai kepelbagaian dalam Kumpulan SAF-HOLLAND. Pada kami, latarbelakang budaya yang berbeza, kemahiran dan pengalaman membentuk suasana asas berkerja yang menarik dan menghasilkan pelbagai idea yang cukup penting bagi kami.

Hak untuk mendapat upah yang saksama, peraturan berkanun yang berkaitan dengan waktu kerja perlu dipatuhi oleh semua pekerja.

Kami mengekalkan komunikasi yang bagus dan sifat menghormati pekerja kami.

4. Konflik kepentingan

Kumpulan SAF-HOLLAND memberi keutamaan untuk memastikan supaya tiada timbul konflik kepentingan.

Konflik kepentingan boleh menyebabkan keraguan terhadap integriti dan reputasi sesebuah syarikat. Jika pekerja meletakkan kepentingan peribadi keatas syarikat, ini boleh membahayakan syarikat.

Kepentingan perniagaan bagi Kumpulan SAF-HOLLAND dan kepentingan peribadi pekerja mesti dipisahkan dengan tegas.

Walaupun bagaimanapun, mungkin ada situasi dimana konflik kepentingan peribadi seseorang pekerja akan konflik dengan kepentingan syarikat. Keadaan sedemikian mesti dikenalpasti awal, dilaporkan dan dihindari.

Konflik kepentingan yang sedia ada atau akan berlaku mesti dilaporkan dengan segera kepada penyelia.

5. Larangan perdagangan orang dalam

Apabila berurusan dengan maklumat orang dalam yang berkaitan dengan harga saham, kami memerhatikan peraturan pasaran modal. Kami tidak bertolak ansur dengan dagangan orang dalam. Maklumat orang dalam hanya boleh ditukar dalam syarikat antara rakan-rakan sekerja yang diberi kuasa, dan berpengetahuan tentang maklumat ini. Maklumat orang dalam adalah sentiasa sulit dan tidak boleh didedahkan kepada pihak ketiga, dan juga kepada ahli keluarga atau saudara terdekat.

Sebagai perkara prinsip, urusan proses dalaman berkenaan maklumat orang dalam haruslah dipatuhi.

6. Undang-undang persaingan dan antitrust

Kami berjanji untuk mematuhi peraturan undang-undang persaingan.

Pelanggaran Undang-undang antitrust dan amalan tidak berdaya saing boleh mengakibatkan denda dan mengancam kewujudan syarikat. Untuk mengelakkan penalti dan kerugian lain, adalah dilarang untuk membuat perjanjian dengan rakan perniagaan, berkenaan dengan harga, kos, keuntungan, jumlah, kapasiti pengeluaran, tender dan pengagihan dan faktor-faktor lain yang mungkin mempengaruhi tingkah laku atau tingkah laku rakan perniagaan dengan cara bersaing secara sihat.

Di samping itu, adalah tidak dibenarkan untuk bercakap dengan rakan perniagaan berkenaan pengagihan pelanggan, pasaran, kawasan atau program-program pengilangan dan lain-lain. Perbincangan sedemikian yang di jalankan merupakan pelanggaran undang-undang.

7. Larangan rasuah dan sogokan

Kami mengutuk sekeras-kerasnya kepada semua jenis rasuah, memeras ugut dan sogokan.

Pemberian tidak boleh diterima, diberi atau ditawarkan.

Ini merangkumi syarikat serta individu, pihak berkuasa, badan pemeriksaan dan unit organisasi lain. Pemberian bukan sahaja tunai atau transaksi pembayaran lain, tetapi juga hadiah dan jemputan perniagaan ke sesuatu majlis atau makan tengahari.

Penilaian terhadap undang-undang adalah berasaskan kepada polisi dasar dalaman syarikat kami mengenai pengendalian pemberian seperti yang dipinda dari semasa ke semasa.

8. Perlindungan maklumat sulit dan harta intelek

Perlindungan perniagaan, rahsia perdagangan dan maklumat sulit atau harta intelek adalah sangat penting pada kami. Begitu juga, kami mengekalkan kerahsiaan mengenai maklumat sulit pihak ketiga yang diperolehi melalui hubungan perniagaan kami dengan pelanggan, pembekal dan rakan niaga yang lain. Kewajipan kerahsiaan akan berterusan walaupun selepas hubungan pekerjaan di tamatkan.

Kami mematuhi perjanjian kerahsiaan yang sedia ada dengan rakan niaga perniagaan kami.

Kami akan mengambil semua langkah yang mencukupi untuk melindungi maklumat rahsia dan dokumen perniagaan dari diperolehi atau didedahkan kepada rakan sekerja yang tidak berkenaan atau pihak ketiga. Dalam apa jua keadaan, kesimpulan perjanjian sulit mesti diutamakan. Jika tidak pasti, sila perolehi nasihat dari Jabatan Guaman.

9. Pengisytiharan yang sah, perakaunan dan laporan kewangan yang betul

Pekerja hanya layak membuat ikatan pengisytiharan secara sah bagi pihak Kumpulan SAF-HOLLAND mengikut skop dan kuasa perwakilan yang diberikan kepada mereka. Prinsip kawalan dua hala harus dipatuhi pada setiap masa.

Kami mematuhi prinsip perakaunan yang diterima umum semasa merekod dan membuat bayaran, kami mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Semua rekod dan laporan dalam transaksi perniagaan hendaklah jujur, lengkap dan didokumenkan.

10. Keselamatan produk & kualiti

Kami dilatih berprinsipkan kecacatan-sifar (Zero-defect) dan, sebagai sebahagian daripada pengurusan yang berkualiti kami, tumpuan adalah pada perancangan awal untuk mengelakkan kemungkinan berlaku kesilapan. Matlamat kami pada pelanggan adalah memberi perkhidmatan produk yang selamat dan sempurna. Kami sentiasa berusaha untuk mengelakkan risiko bahaya yang berkaitan dengan produk kami melalui kawalan kualiti dan keselamatan.

11. Kerjasama dengan pembekal/rakan niaga

Layanan yang diberikan kepada pekerja subkontraktor adalah sama dengan pekerja kami. Kami menjangkakan rakan perniagaan kami mematuhi prinsip-prinsip Kod Tatalaku ini dan bertindak berpandukan kewajipan undang-undang.

12. Kawalan eksport dan duti kastam

Apabila pengimportan dan pengeksportan barangan, perkhidmatan, data dan teknologi, kami mematuhi peraturan eksport dan undang-undang Kastam negara-negara dimana kami beroperasi.

13. Kesihatan, keselamatan dan alam sekitar

Kami memastikan keselamatan pekerjaan dan kesihatan di tempat kerja mengikut peraturan semasa, berpandukan penemuan terkini pada keselamatan pekerjaan serta menggalakkan kesihatan ditempat kerja. Kita akan berusaha mengambil langkah berjaga-jaga terhadap kemalangan dan jangkitan penyakit ditempat kerja.

Prinsip panduan kami adalah menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat.

Kami mengutamakan perlindungan alam sekitar dan pemuliharaan sumber semula jadi.

Setiap pekerja digalakkan untuk mengurangkan beban alam sekitar melalui tingkah laku sendiri dan menyumbang berterusan kepada peningkatan perlindungan alam sekitar.

Kami komited dalam menjaga alam sekitar dengan pemuliharaan sumber, penggunaan bahan yang boleh diguna semula, mengitar semula sisa buangan setiap kali serta mengurangkan pelepasan dan penggunaan tenaga pada minimum.

Semasa kami merancang proses pengilangan, kami mengutamakan penggunaan teknologi dan perkhidmatan penjimatan tenaga dan sumber tenaga.

14. Data keselamatan

Kami memastikan perlindungan data peribadi yang menyeluruh dan sah, khususnya untuk pekerja, calon-calon, pelanggan dan pembekal. Peraturan perlindungan data yang berkaitan mesti di patuhi.

Data peribadi tidak boleh dikumpul atau diproses tanpa kebenaran seseorang atau undang-undang. Data peribadi hanya boleh diproses jika setakat yang perlu untuk pelaksanaan tugas berkenaan pekerjaan atau untuk tujuan sah yang lain.

Taraf yang tinggi dijamin berhubungan dengan kualiti dan perlindungan teknikal data peribadi dari diperolehi tanpa izin.

15. Pelanggaran peraturan dan laporan

Semua pekerja dikehendaki melaporkan amalan dan aktiviti yang mereka percaya melanggar Kod Tatalaku atau peruntukan berkanun lain. Sehubungan itu, mereka mempunyai pilihan untuk melaporkan pelanggaran yang disyaki sama ada secara langsung kepada penyelia mereka atau kepada Jabatan Pematuhan melalui emel, telefon atau melalui system pemberi maklumat eletronik. Laporan melalui system pemberi maklumat eletronik boleh dihantar tanpa nama, jika dikehendaki.

Sistem pemberi maklumat eletronik boleh didapati dilaman web Kumpulan SAF-HOLLAND. Semua laporan akan disusuli oleh Jabatan Pematuhan. Semua fakta diselidik dengan teliti dan dikendalikan secara rahsia dan berhati-hati.


16. Penalti untuk pelanggaran

Pelanggaran Kod Tatalaku akan mengakibatkan penyiasatan dalaman. Dalam keadaan tertentu, tingkah laku sedemikian mungkin tertakluk kepada undang-undang buruh. Dalam kes-kes yang serius, penalti boleh melibatkan tuntutan ganti rugi atau pendakwaan jenayah oleh penguatkuasa undang-undang.


Alamat email pusat compliance@safholland.de disediakan untuk pekerja kami dan pihak ketiga (pelanggan, pembekal, dll) untuk pertanyaan lanjut mengenai Kod Tatalaku ini.

Tanda-tanda kemungkinan pelanggaran undang-undang atau garis panduan dalam bidang undang-undang antitrust dan rasuah yang menjejaskan orang dan syarikat dari Kumpulan SAF-HOLLAND juga dapat dilaporkan melalui sistem pemberi maklumat eletronik Kumpulan SAF-HOLLAND. Butiran hubungan boleh didapati dilaman web Kumpulan SAF-HOLLAND. Semua maklumat akan disimpan rahsia.


Kami menghindari penggunaan rujukan khusus-jantina untuk meningkatkan kebolehan membaca dan bukan sebagai perwakilan untuk nilai. Oleh itu, semua penyertaan hendaklah dianggap neutral-jantina.



Alexander Geis
Chief Executive Officer (CEO)
SAF-HOLLAND SE



Dr. André Philipp
Chief Operating Officer (COO)
SAF-HOLLAND SE



Wilfried Trepels
Chief Financial Officer (CFO)
SAF-HOLLAND SE